




PENGIMBASAN GALLIUM-68 PSMA (PROSTATE-SPECIFIC MEMBRANE ANTIGEN) PENDIDIKAN PESAKIT




Pengimbasan Gallium-68 PSMA (Prostate-Specific Membrane Antigen)

Apakah Pengimbasan Gallium-68 (Ga68) PSMA?




Pengimbasan Ga-68 PSMA adalah sejenis pengimbasan tomografi pelepasan positron (PET) menggunakan **bahan radiofarmaseutikal (Ga-68 PSMA)** yang melekat kepada **protein PSMA** yang terdapat pada sel kanser prostat.



Pengimbasan ini membolehkan pengvisualan yang sangat sensitif dan khusus bagi sel kanser PSMA-positif di dalam badan, mengesan:



Kanser Prostat Primer



Metastasis



Penyakit Berulang

Perlukah saya membuat persediaan?



TIADA persediaan khusus diperlukan, tetapi anda digalakkan untuk **minum air secukupnya** sebelum imbasan bagi memastikan tubuh kekal terhidrasi.

Kelebihan Pengimbasan Ga-68 PSMA

1

Spesifisiti dan Sensitiviti yang Lebih Tinggi untuk Kanser Prostat

Ga-68 PSMA secara spesifik menasarkan protein PSMA yang diekspresikan secara berlebihan dalam sel-sel kanser, mewujudkan **kontras yang lebih jelas antara tumor dan tisu yang sihat berbanding FDG** yang mengukur metabolisme glukosa umum dan kurang spesifik untuk kanser prostat.

2

Pengesanan yang Lebih Baik untuk Lesi Kecil dan Berulang

PET PSMA boleh mengenal pasti lesi **kanser prostat yang kecil, awal, atau berulang** yang sering tidak dikesan oleh PET FDG atau kaedah pengimejan konvensional. Ini seterusnya akan meningkatkan penentuan peringkat (staging) dan perancangan rawatan.

3

Aplikasi Teranostik

Ga-68 PSMA PET digunakan untuk memilih pesakit bagi terapi radionuklid tertasar (contohnya Lutetium-177 berlabel PSMA), **menggabungkan diagnosis dan rawatan peribadi**.

Risiko dan Limitasi

- ✓ Anda mungkin mengalami lebam di sekitar kawasan suntikan.
- ✓ Kesan sampingan daripada suntikan tidak biasajarang berlaku, tetapi sesetengah orang pesakit mungkin mengalami ruam kulit, sakit kepala, sakit perut, vertigo atau pening.

Bagaimana Proses Imbasan Ga-68 PSMA?

Proses ini adalah mudah dan tidak invasif. Berikut adalah langkah-langkahnya:




Suntikan Ga-68 PSMA

Sebilangan kecil bahan radioaktif (Ga-68) akan disuntik ke dalam vena, biasanya di lengan, semasa berada di atas katil imbasan.

Imbasan Pertama

Pengimbasan pelvis selama 10 minit akan dilakukan sejeurus selepas suntikan.




Masa Menunggu

Selepas imbasan pertama, anda perlu menunggu kira-kira **50 minit**. Ini membolehkan bahan radioaktif bergerak melalui badan dan melekat pada kawasan yang disasarkan.

Imbasan Kedua

Anda akan berbaring di atas katil pengimbas PET yang sama sementara pengimbas **mengambil imej seluruh badan**. Pengimbas ini berfungsi seperti kamera besar yang merakam gambar secara terperinci tentang perjalanan Ga-68 dalam badan anda.



Tempoh Masa

Pengimbasan kedua biasanya mengambil masa **10 hingga 15 minit**.

Selepas Imbasan




Anda boleh makan seperti biasa. Digalakkan untuk **minum banyak air** selepas imbasan untuk memastikan hidrasi yang mencukupi.

Ini penting kerana ia membantu menyingkirkan bahan radioaktif daripada badan dengan lebih efisien selepas imbasan.

Dos bahan radioaktif yang disuntik adalah sangat kecil, jadi tidak perlu menjauhkan diri daripada orang lain.

Namun, **ELAKKAN** kontak rapat dengan wanita hamil, kanak-kanak kecil dan bayi selama 6–8 jam selepas pengimbasan.



Pakar Perubatan Nuklear akan menyemak keputusan imbasan dan **menyediakan laporan**.

Laporan ini mungkin mengambil sedikit masa untuk sampai kepada doktor rujukan atau sedia untuk diambil. Kami akan maklumkan apabila laporan siap.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:

 +603-7494 1017

 +603-7491 1483

 smc@sunway.com.my

Pusat Perubatan Nuklear terletak di:
Basement, Tower C

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat

8.30am - 5.30pm

Sabtu

8.30am - 12.30pm

Tutup pada Ahad dan Cuti Umum